

# Jangan takut gagal untuk berjaya

[FOTO HALIMAHTON SAADIAH / BH]

➔ Kerugian cecah ribuan ringgit tak pernah mematahkan semangat 2 rakan perkongsian

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

## Serdang

Perniagaan percetakan Printzy yang diusahakan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Syarifah Nadia Najihah Syed Abdul Aziz bersama rakan kongsi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Salsabila Rabbani Aznan berbekalkan modal permulaan kurang daripada RM100 sebagai bayaran untuk pendaftaran syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Keputusan untuk menubuhkan perniagaan sendiri itu dibuat apabila dua pelajar berkenaan dikelilingi oleh rakan yang aktif menganjurkan pelbagai program keusahawanan dan giat menjalankan perniagaan sendiri.

Syarifah Nadia Najihah berkata, perkhidmatan percetakan yang ditawarkan, termasuk kain rentang, baju dan kad kahwin, manakala tempahan pula dibuat sepenuhnya secara atas

talian melalui aplikasi media sosial.

“Operasi percetakan dibuat berdasarkan tempahan daripada pelanggan sekali gus harga yang ditawarkan juga bergantung kepada kuantiti produk yang ditempah. Kami pernah membuat cetakan baju untuk pelanggan dengan harga serendah RM19.

“Selepas mendapat modal pusingan daripada tempahan pelanggan, barulah kami mula membuat pelaburan untuk strategi pemasaran melalui FB Ads.

“Kami turut menyertai kursus yang dianjurkan di dalam dan luar kampus bagi memantapkan lagi kemahiran mereka bentuk produk perniagaan Printzy,” katanya ketika ditemui, di sini, baru-baru ini.

## Lumrah berniaga

Sejak menjalankan perniagaan pada 2015, Printzy kini mempunyai enam kakitangan bagi membantu melancarkan lagi operasi syarikat yang semakin mendapat sambutan terutama dalam kalangan warga UPM dan UKM.

Sudah menjadi lumrah berniaga, pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi Syarifah Nadia Najihah dan Salsabila Rabbani, termasuk mengalami kerugian ribuan ringgit.

“Meskipun terpaksa menanggung kerugian besar mencecah ribuan ringgit, tetapi pada masa sama, projek yang diterima itu



Syarifah Nadia Najihah (kiri) dan Salsabila Rabbani merancang untuk menjadikan Printzy sebagai syarikat percetakan pilihan utama warga UPM dan UKM.

## info

➔ Produk Printzy direka sendiri oleh Syarifah Nadia Najihah dan Salsabila Rabbani serta dibantu oleh seorang pereka bentuk utama.

sangat bermakna kerana dari situ kami belajar supaya tidak takut dengan kegagalan jika ingin berjaya dalam perniagaan.

“Kami bertuah kerana saat mengalami kerugian itu, tiga mentor dari Persatuan Usahawan Muda Muslim Malaysia tidak jemu memberikan sokongan supaya kami meneruskan perniagaan ini dan saya bersyukur kerana Printzy mampu untuk

terus bertahan dalam industri,” katanya.

Pembabitan dalam dunia perniagaan turut memberi peluang kepada dua mahasiswa itu untuk berbakti kepada masyarakat melalui sumbangan 10 peratus keuntungan syarikat kepada Tabung Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia.

Syarifah Nadia Najihah berkata, tahun lalu Printzy turut mengadakan bengkel

kepada mereka yang ingin memulakan perniagaan menggunakan kemahiran yang dimiliki.

“Kami anjurkan bengkel berkenaan kerana ingin berkongsi ilmu mengenai selok belok perniagaan percetakan ini supaya lebih ramai pelajar dapat menubuhkan perniagaan sendiri sekali gus menjana pendapatan sampingan ketika masih menuntut di universiti,” katanya.